



Kakak terlalu garang

Sikapnya menjengkelkan namun sayang

Soalan

SAYA anak kedua daripada empat beradik dan kini mempunyai masalah dengan kakak sulung yang bersikap melampau.

Kakak suka menunjukkan kuasanya dengan mengongkong dan mengarah kami. Arahannya sentiasa kasar.

Saya pernah menegurinya namun kakak melenting dan mengatakan saya terlalu membela adik-adik hingga boleh dibuli dan diperkotak-katikan mereka.

Saya tidak menganggap begitu kerana itu tanggungjawab saya sebagai kakak juga.

Seorang adik pernah bergaduh besar dengan kakak kerana tidak tahan dengan sikapnya dan saya menjadi orang tengah kerana kebanyakan adik memang tidak suka atau takut dengan kakak.

Saya faham kakak cuba menjalankan tanggungjawabnya sebagai anak sulung selain mendidik kami adik-beradik. Namun, caranya tidak betul kerana sikap kakak yang keterlaluan. Kakak boleh berlembut namun pada masa sama perlu ada ketega-

san. Itu juga boleh membina kemesraan dan komunikasi berkesan di kalangan kami.

Saya tidak mahu hubungan kami adik beradik dingin. Saya dan adik sayangkan kakak namun sikapnya sangat menjengkelkan. Apa yang perlu saya lakukan?

ADIK BOSAN
Johor

Jawapan

SEBAGAI anak sulung dalam keluarga, bukan mudah menjaga keluarga.

Adler, seorang ahli psikologi menjelaskan anak sulung akan mengalami perasaan terlepas pandang oleh ibu bapa.

Ini kerana kasih sayang dan tumpuan ibu bapa beralih arah terhadap adiknya.

Ibu bapa sering meletakkan tanggungjawab kepada anak sulung berbanding anak lain dan bagi adik beradik pula, anak sulung model atau contoh.

Kesan daripada layanan yang diterima cenderung menjadikannya anak sulung ini bersifat agak tegas dan autokratik. Ini yang berlaku kepada kakak

adik.

Dia turut merasakan dia sentiasa mempunyai hak dan kuasa ke atas anda. Dia boleh menjadi seorang yang ringan tulang jika ada dorongan yang dihulurkan ibu atau ayah.

Kebiasaannya, anak sulung sering beralih mengharapkan keperhatian ayahnya selepas lahir anak kedua dalam keluarga.

Situasi adik memang boleh difahami. Ini kerana menurut Adler, anak tengah umpama 'sandwich'. Anak tengah sering merasa dirinya terhimpit dan tidak menyerlah dalam keluarga.

Sikapnya juga adalah agresif dan cepat marah.

Hidupnya berada di belakang banyak ketua. Abang atau kakaknya cuba menjadi pengajar kepadanya dan ini membuatkan dia seolah-olah mempunyai banyak ibu dan bapa.

Cara terbaik ialah berbincang dengan kakak mengenai situasi adik. Dr yakin kakak boleh memahami situasi adik walaupun sifatnya tegas. Sebagai kakak, tentu dia inginkan yang terbaik untuk adik-adiknya.

Tidak bersedia bercinta serius

Soalan

SAYA baru menjejaskan kaki ke menara gading bulan lalu. Masalah ini bukan berkaitan pelajaran, tetapi soal hati dan perasaan. Saya ada teman lelaki dan perkenalan kami baru mencecah lima bulan.

Masalahnya, teman lelaki mahu bercinta secara serius namun saya sebaliknya kerana merasakan kami baru berkenalan dan perlu mengenal hati budi.

Lagipun, saya perlu memberi penumpuan kepada pengajian, harapan ibu bapa serta masa depan.

Keluarga juga meletakkan harapan tinggi kerana saya anak sulung dan menjadi contoh kepada adik lain.

Saya gembira berkawan dengan teman lelaki namun untuk menjalin hubungan lebih serius, mungkin bukan masanya lagi.

Saya mahu menerangkannya kepada teman lelaki, tetapi takut dia tersinggung. Apa yang perlu saya lakukan?

MAHASISWA KELIRU
Kuala Lumpur

Jawapan

APABILA membaca keluhan adik, boleh disimpulkan bahawa adik memang belum bersedia untuk menjalin hubungan lebih serius dengan teman lelaki.

Perhubungan yang dijalin masih lagi terarah kepada proses ingin mengenali.

Apatah lagi, adik sangat mementingkan mengenai pelajaran, harapan ibu bapa serta masa depan yang masih jauh lagi perjalanannya.

Adik juga anak yang baik kerana mahu memenuhi harapan ibu bapa yang mahu melihat adik mempero-

leh segulung ijazah sebelum menamatkan alam bujang.

Terangkan kepada teman lelaki mengenai impian dan cita-cita adik itu.

Katakan padanya bukan adik tidak sayang namun masih banyak lagi perkara harus difikirkan sebelum menjuruskan hubungan kepada ikatan lebih serius.

Pada masa sama, beritahu mengenai usia adik dan teman lelaki yang masih muda selain tidak mempunyai pendapatan tetap kerana perhubungan yang serius memerlukan banyak komitmen dan pengorbanan.

Dr percaya, jika adik terangkan dengan baik, teman lelaki akan memahami. Bagaimanapun, jika dia masih bertegas dengan kehendaknya, adik boleh buat keputusan sama ada meneruskannya atau meninggalkannya.